

MAKLUMAT SEBUTHARGA

1 NO FAIL	JPS/SPS/N/SH/CS/57-2011
2 TAJUK SEBUT HARGA	KERJA-KERJA MENAIKTARAF SISTEM SALIRAN BAGI MENGATASI BANJIR DI KAMPUNG MAKAU SUAHAH, SUNGAI BAKAP, SEBERANG PERAI SELATAN
3 NO. SEBUTHARGA	JPS/SPS/N/SH/CS/57-2011
4 TARIKH NOTISSEBUTHARGA	28.10.2011
5 TARIKH LAWATAN TAPAK	3.11.2011
6 TARIKH TUTUP SEBUTHARGA	10.11.2011
7 TEMPOH SIAP (MINGGU)	10
8 PKK KELAS & KEPALA	KELAS F, KEPALA 7(a) DAN 7(b)
9 CIDB GRED DAN BIDANG	G1, CE21
10 Skop Kerja	1.1 Kerja yang diliputi dalam Sebutharga ini adalah kerja-kerja Menaiktaraf Sistem Saliran Perkampungan Makau Suah Bagi Mengatasi Banjir, Seberang Perai Selatan.. Kesemuanya mengikut kelulusan sepenuhnya oleh Pegawai Penguasa yang kemudian ini disebut sebagai P.P.
11 Lokasi Tapak Bina	2.1 Tapakbina ini terletak di Kampung Makau Suah, Sg. Bakap, Seberang Perai Selatan.
12 Spesifikasi	Tender ini adalah termasuk menyediakan segala tenaga manusia, mesin jengkaut & segala alat perkakas untuk pembinaan parit konkrit dan kerja-kerja berkaitan Membekal tenaga kerja, bahan dan mesin jengkaut untuk kerja-kerja pembinaan parit konkrit di perkampungan Makau Suah. Kerja-kerja termasuk pembinaan 1500mm x 1500mm parit konkrit dan juga pembentung kekotak 1500mm x 1500mm. Kerja-kerja pembinaan ini juga hendaklah mengambil kira keadaan setempat dan mendapat kebenaran tuan tanah bersebelahan.



**JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
NEGERI PULAU PINANG**

DOKUMEN SEBUTHARGA

**KERJA-KERJA MENAIKTARAF SISTEM SALIRAN BAGI MENGATASI
BANJIR DI KAMPUNG MAKAU SUAH, SUNGAI BAKAP, SEBERANG
PERAI SELATAN**

No. SEBUTHARGA :

JPS/SPS/N/SH/CS/57-2011



**Jurutera Daerah
Seberang Perai Selatan
Jabatan Pengairan Dan Saliran
Komplek Pejabat Kerajaan Sg. Jawi
14200 Seberang Perai Selatan**



**JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN
PULAU PINANG**

Tajuk **KERJA-KERJA MENAIKTARAF SISTEM SALIRAN BAGI MENGATASI BANJIR DI KAMPUNG MAKAU SUAHA,
Sebutharga : SUNGAI BAKAP, SEBERANG PERAI SELATAN**

No. Sebutharga **JPS/SPS/N/SH/CS/57-2011**

ISI KANDUNGAN

Bil	Keterangan
1	Kenyataan Sebutharga
2	Dokumen A – Arahan Kepada Kontraktor Lampiran A1- Surat Akuan Pembida. Lampiran A2- Surat Akuan Pembida Berjaya.
3	Dokumen B – Syarat-Syarat sebutharga
4	Dokumen C – Borang Sebutharga
5	Dokumen D – Jadual Kadar Harga
6	Dokumen E – Kehendak Permulaan Dan Syarat-Syarat Am
7	Dokumen I(1) - Senarai Kerja Yang Telah Siap
8	Dokumen I(2) - Senarai Kerja Dalam Tangan
9	Spesifikasi
10	Pelan Punca



KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

**JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN
PULAU PINANG**

KENYATAAN SEBUTHARGA

Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

No. SEBUTHARGA	JPS/SPS/N/SH/CS/57-2011
TAJUK SEBUTHARGA	KERJA-KERJA MENAIKTARAF SISTEM SALIRAN BAGI MENGATASI BANJIR DI KAMPUNG MAKAU SUA, SUNGAI BAKAP, SEBERANG PERAI SELATAN

- 1 Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai Sebutharga ini hendaklah berdaftar dengan :
 - i. Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam KELAS F, KEPALA 7(a) DAN 7(b)
 - ii. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) G1, CE21
 - iii. Berdaftar di bawah e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang

- 2 Segala maklumat berkaitan Sebutharga boleh didapati semasa waktu pejabat di Pejabat Jurutera Daerah JPS Seberang Perai Selatan, Tingkat.3, Komplek Pejabat Kerajaan Sg. Jawi mulai da 28.10.2011 hingga 10.11.2011

- 3 Dokumen Sebutharga boleh diperolehi dari laman web e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

- 4 Lawatan ketapak pembinaan adalah DIWAJIBKAN dan akan dibuat pada 3.11.2011 jam 9.30 pagi. Hanya tuan lesen kontraktor dipelawa untuk menyertai lawatan tapak dan hendaklah melaporkan diri di Pejabat Jurutera Daerah, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Seberang Perai Selatan pada tarikh dan waktu tersebut.

- 5 Sebutharga ini akan ditutup pada 10.11.2011 Dokumen sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Pejabat Jurutera Daerah, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Daerah Seberang Perai Selatan, Tingkat 3, Komplek Pejabat Kerajaan Sg. Jawi, tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada hari tersebut.

- 6 RESIT PEMBELIAN HENDAKLAH DIKEPILKAN BERSAMA BORANG SEBUTHARGA.

.....
Jurutera Daerah
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN
PULAU PINANG

1 HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUTHARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima Sebutharga yang terendah atau mana-mana Sebutharga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Sebutharga adalah muktamad.

2 CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUTHARGA

2.1 Penyediaan Sebutharga

Kontraktor adalah dihendaki mengisi segala maklumat berikut dengan sepenuhnya.

- (a) Harga dan tandatangan Kontraktor di Ringkasan Sebutharga,
- (b) Harga, tempoh dan tandatangan dalam borang Sebutharga,
- (c) Senarai Kerja Dalam Tangan,
- (d) Butir-butir Spesifikasi (jika ada)

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembedulan.

2.2 Penyerahan Dokumen Sebutharga

Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri yang dicatatkan dengan bilangan Sebutharga No. JPS/SPS/N/SH/CS/57-2011 serta tajuk Sebutharga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebutharga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Kenyataan Sebutharga.

Jika Dokumen Sebutharga tidak diserahkan dengan tangan, Kontraktor hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.

Sebutharga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

Kegagalan Kontraktor mengembalikan Dokumen Sebutharga pada tarikh tutup Sebutharga akan membolehkan Kerajaan mengambil tindakan tatatertib.

2.3 'Integrity Pact'

a) Penyebut harga wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida seperti dilampiran A bersama-sama dengan *Dokumen Sebutharga dimana ia berwaad untuk tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tawaran tersebut. Wakil Syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak Syarikat.

b) Surat Akuan Pembida tersebut adalah menjadi salah satu dokumen wajib dalam penilaian sebutharga peringkat pertama. Sekiranya pembida gagal mengemukakan Surat Akuan tersebut yang telah ditandatangani oleh pegawai syarikat yang bertauliah, pembida tersebut akan dinilai sebagai gagal dalam penilaian peringkat pertama (gagal mengemukakan dokumen wajib) dan penilaian seterusnya tidak akan dilaksanakan.

c) Kontraktor yang berjaya wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida Berjaya seperti di lampiran B beserta dengan *Surat Setujuterima / Borang Perjanjian Inden Kerja yang telah ditandatangani dimana ia berwaad tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapat kontrak. Wakil Syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat. Surat Akuan ini akan menjadi sebahagian daripada Perjanjian Sebutharga.

2.4 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebutharga yang tidak jelas atau bercanggah, kontraktor boleh menghubungi Pejabat ini untuk penjelasan lanjut.

3 PERBELANJAAN PENYEDIAAN DOKUMEN SEBUTHARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima Sebutharga yang terendah atau mana-mana Sebutharga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Sebutharga adalah muktamad.

4 TEMPOH SAH SEBUTHARGA

Sebutharga ini sah selama 90 hari dari tarikh tutup Sebutharga. Kontraktor tidak boleh menarik balik Sebutharga sebelum tamat tempoh sah Sebutharga. Pengesyoran tindakan tatatertib akan diambil sekiranya Kontraktor menarik balik Sebutharga sebelum tamat tempoh sah Sebutharga.

5 TEMPOH BANTAHAN

Tempoh bantahan adalah ditetapkan selama 7 hari.

NO SEBUTHARGA: JPS/SPS/N/SH/CS/57-2011

SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA UNTUK PERKHIDMATAN

1 PEMERIKSAAN TAPAKBINA

Kontraktor adalah dinasihatkan untuk memeriksa dan meneliti Tapakbina dan sekitarnya, bentuk dan jenis Tapakbina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke Tapakbina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan Sebutbarganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

2 BON PERLAKSANAAN/INSURANS

Kontraktor hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan sebanyak 5% daripada harga Sebutbarga dalam bentuk Jaminan Bank, Jaminan Syarikat Kewangan, Jaminan Bank Islam, Jaminan Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Bank Berhad, Jaminan Insurans atau Jaminan-Takaful atau memilih Wang Jaminan Pelaksanaan yang dikenakan potongan sebanyak 10% daripada setiap bayaran interim sehingga mencapai jumlah 5% harga sebutbarga. (bagi nilai sebutbarga melebihi RM 50,000.00)

Kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam * dan Insurans Kerja (sekiranya dinyatakan di dalam butir-butir Ringkasan Sebutbarga) bagi tempoh pelaksanaan Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.

Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan kerja. Bagaimanapun untuk tujuan memulakan kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah nota-nota perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pegawai Inden berhak mengambil tindakan seperti di bawah pasal 9(d).

3 PERATURAN PELAKSANAAN KERJA

3.1 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebutbarga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebutbarga ini dan arahan Pegawai Inden atau wakilnya.

4 KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas 7 hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden Kerja tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden Kerja akan dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tidak tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

5 SUB-SEWA DAN MENYERAHKAN KERJA

Kontraktor tidak dibenarkan mengasub-sewakan kerja kepada kontraktor-kontraktor lain, kontraktor tidak boleh menyerahkan apa-apa faedah dibawah Inden Kerja tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

6 PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN KERJA OLEH PEGAWAI INDEN

Pegawai Inden atau wakilnya berhak menolak bahan, barang dan kerja-kerja yang tidak menepati spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh kontraktor sendiri.

7 RINGKASAN SEBUTHARGA

Ringkasan Sebutbarga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebutbarga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebutbarga.

Harga-harga dalam Ringkasan Sebutbarga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi menyiapkan kerja dengan sepenuhnya.

Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harta akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan semua duti dan cukai kerajaan, sama ada dalam tempoh sah Sebutbarga atau dalam tempoh kerja.

Harga-harga dalam ringkasan sebutbarga yang dikemukakan oleh kontraktor hendaklah tetakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam ringkasan sebutbarga hendaklah dibuat sebelum Inden kerja dikeluarkan.

Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebutbarga menurut perenggan (iv) tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebutbarga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebutbarga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebutbarga hendaklah tetap tidak berubah.

8 PERCANGGAHAN DALAM DOKUMEN SEBUTHARGA

Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebutbarga dia hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

9 KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR

Pegawai Inden berhak membatalkan Inden Kerja sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden. Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan kerja dalam tempoh masa yang ditetapkan;

- a) Kemajuan Kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- b) Penggantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian kerja, tanpa apa-apa sebab munasabah;
- c) Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah: dan
- d) Apabila Kontraktor diisytiharkan bankrap atau muflis.

**Potong jika tidak diperlukan*

Samb...

NO SEBUTHARGA: JPS/SPS/N/SH/CS/57-2011

10 KERJA PERUBAHAN

(a) Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan Pegawai Inden atau disahkan kemudian oleh Pegawai Inden boleh membatalkan sebutharga ini.

(b) Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/ringkasan sebutharga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan kontraktor hendaklah digunakan.

11 TEMPOH LIABILITI KECACATAN

Kontraktor hendaklah membaiki apa-apa kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa kerosakan lain dalam tempoh Liabiliti Kecacatan, iaitu 6 bulan dari penyiapan kerja bagi nilai kerja kurang daripada RM50,000.00 dan 12 bulan bagi nilai kerja melebihi RM50,000.00.

12 PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak undang-undang kecil dan undang berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

13 PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah Kontraktor menyiapkan kerja dengan sepenuhnya dan mengembalikan Inden Kerja Asal.

BORANG SEBUTHARGA

No. Sebutharga : JPS/SPS/N/SH/CS/57-2011

Jurutera Daerah
Jabatan Pengairan Dan Saliran
Seberang Perai Selatan,
Tingkat 3, Kompleks Pejabat Kerajaan,
14200 Sungai Jawi.

Tuan,

Sebutharga Untuk :

KERJA-KERJA MENAIKTARAF SISTEM SALIRAN BAGI MENGATASI BANJIR DI KAMPUNG MAKAU SUAH, SUNGAI BAKAP, SEBERANG PERAI SELATAN

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Pentender, Syarat-syarat Sebutharga, Spesifikasi Kerja dan pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak

Ringgit Malaysia.....

(RM)

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dengan sempurna dan memuaskan dalam masa 10 minggu dari tarikh mula kerja seperti yang di ditetapkan di bawah Fasal 2 Borang Inden Kerja.

Bertarikh pada haribulan20.....

.....
(Tandatangan Pentender)

(Tandatangan Pentender)

Nama Penuh :

Nama Penuh :

No. K/P :

No. K/P :

Alamat :

Alamat :

.....

.....

Atas sifat :

Atas sifat :

.....
Cop Meteri Syarikat

No. Sebutharga : JPS/SPS/N/SH/CS/57-2011

TAJUK SEBUTHARGA **KERJA-KERJA MENAIKTARAF SISTEM SALIRAN BAGI MENGATASI BANJIR DI KAMPUNG MAKAU SUAH, SUNGAI BAKAP, SEBERANG PERAI SELATAN**

JADUAL KADAR HARGA

Bil	Keterangan Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Jumlah (RM)
1.	Kehendak kerja-kerja permulaan sebagai mana yang ditetapkan dalam kerja-kerja JPS, antaranya: a) Polisi Tanggungan Awam, Pekerja. b) Jalan masuk dan kerja lain yang berkaitan. c) Membaiki tapak kerja selepas siap d) Gambar-gambar saiz 4R sebelum, semasa dan selepas dibuat Profile gambar kerja. e) Gambar-gambar disimpan dalam satu CD dan dalam 'pendrive' 8GB.	Harga Pukul			
2	Kerja-Kerja ukuran jajaran baru dan sediaada	Harga Pukul			
3	Kerja-kerja meroboh longkang sediada	Harga Pukul			
4	Kerja-Kerja memotong jalan untuk pembinaan pembentung konkrit	M	210		
5	Kerja-Kerja mengorek longkang dan membuang lebihan korekan ke tempat yang diluluskan	M3	280		
6	Kerja-Kerja Pembinaan Pembentung Kekotak 1500mm x 1500mm dengan membekal, memasang dan mengikut aras yang ditetapkan termasuk penyediaan asas lapisan konkrit 150mm tebal konkrit c/w 2 lapisan BRC A6	Nos	105		
7	Kerja-Kerja Melantak Cerucuk Bakau ~100mm dia. Dan 4m panjang	Nos	210		
8	Kerja-kerja Pembinaan Precast U Drain 1500mm x 1500mm dengan membekal, memasang dan mengikut aras yang ditetapkan termasuk penyediaan asas 150mm tebal hardcore yang dirata dan dipadatkan seperti arahan PP	Nos	60		
9	Kerja-Kerja Pembinaan 2200mm x 2200mm Sump dengan 225mm tebal konkrit yang di lepa licin di bahagian dalam termasuk membekal dan memasang 600mm Heavy Duty MS Grating / Plate seperti arahan PP	Nos	3		
10	Kerja-Kerja membina opening 600mm x 600mm di setiap 9 m c/c pembentung konkrit dengan menggunakan Heavy Duty MS Grating / MS Plate	Nos	10		
11	Kerja-Kerja menurap semula jalan 300mm crusher run, 65mm ACBC dan 40mm ACWC seperti yang diarahkan oleh PP	m2	250		
12	Kerja-Kerja Membaiki semula pagar bersebelahan klinik dan tanah persendirian	Harga Pukul			
13	Lain-Lain Kerja Yang Tidak Dinyatakan				
	Semua butiran dan kuantiti yang dinyatakan di ringkasan sebutharga adalah merupakan asas kepada pengiraan. Penyebutharga dinasihatkan untuk mendapat butiran kerja dan kuantiti sebenar berdasarkan pelan, penentuan dan keadaan tapak. Melainkan dinyatakan, kuantiti kerja tidak akan diukur semula dan Penyebutharga tidak boleh menuntut apa-apa kerugian akibat daripadanya.				
JUMLAH HARGA DIBAWA KE BORANG SEBUTHARGA					0

(Ringgit Malaysia :)

.....
(Tandatangan & Cop Penyebutharga)

Nama : _____

No. K/P : _____

Tarikh : _____

.....
(Tandatangan saksi)

Nama : _____

No. K/P : _____

Tarikh : _____

No. Sebutarga : JPS/SPS/N/SH/CS/57-2011

KEHENDAK PERMULAAN DAN SYARAT-SYARAT AM

1	Skop Kerja	1.1 Kerja yang diliputi dalam Sebutarga ini adalah kerja-kerja Menaiktaraf Sistem Saliran Perkampungan Makau Suah Bagi Mengatasi Banjir, Seberang Perai Selatan.. Kesemuanya mengikut kelulusan sepenuhnya oleh Pegawai Penguasa yang kemudian ini disebut sebagai P.P.
2.	Tempat Letak Tapakbina	2.1 Tapakbina ini terletak di Kampung Makau Suah, Sg. Bakap, Seberang Perai Selatan.
3.	Harta Benda Yang Bersebelahan	3.1 Dimana harta benda yang bersebelahan dengan tapak kerja sentiasa digunakan oleh Majikan/tuanpunya-tuanpunya dan penghuni-penghuni yang bersebelahan. Kontraktor hendaklah mengatur dan menjalankan kerja itu dengan gangguan atau halangan yang minimum kepada penggunaan harta benda yang bersebelahan itu termasuk jalan-jalan, lorong-lorong jalankaki, lain-lain laluan dan sebarang, perkhidmatan di situ. Dia hendaklah menurut segala arahan atau petunjuk yang diberikan oleh P.P. di dalam hal-hal ini.
4.	Laluan Dan Jalan Sementara	Kontraktor hendaklah mengada dan menyenggarakan semua jalan masuk sementara ke tapak kerja, pembentong, lorong, jambatan sementara dan lain-lain yang perlu untuk laluan ke kawasan dan di dalam kawasan tapak kerja sepanjang mana yang diperlukan mengikut yang diluluskan oleh P.P. Lokasi laluan ke tapak kerja yang akan dibuat hendaklah seperti yang ditandakan di atas pelan tapak kerja atau sepertimana yang diluluskan oleh P.P. dan Kontraktor hendaklah membuat segala urusan dan mendapatkan semua kelulusan dan keizinan yang dikehendaki atas perbelanjaannya sendiri.
5.	Saliran Tapakbina	5.1 Kontraktor hendaklah mengadakan saliran yang sepatutnya untuk air permukaan dari tapakbina termasuk air hujan dari kawasan sekeliling yang mengalir ke tapak bina. 5.2 Kontraktor hendaklah dengan perbelanjaannya sendiri, memperuntukkan, membentuk, memasang dan menyenggarakan apa-apa pam, pelongsor, dinding, longkang, batas-batas, perangkap-perangkap lumpur dan lain-lain kerja sementara yang perlu untuk saliran tapakbina yang sepatutnya supaya tidak berlaku banjir atau lain-lain kerosakan atau gangguan kepada kawasan-kawasan disekeliling kerja atau kepada kerja di sepanjang tempoh sebutarga ini.
6	Pekerja-Perkerja Dibataskan Ditolak	6.1 Kontraktor hendaklah bertanggungjawab supaya semua orang dibawah kawalannya, termasuk mereka yang bekerja dengan Kontraktor –Kontraktor Kecil, pembekal-pembekal dan pengangkut-pengangkut dibataskan ditapak kerja dan hendaklah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengelakkan kerosakan dan apa jua gangguan dan hendaklah melepaskan tanggungan Kerajaan terhadap sebarang tuntutan yang timbul darinya.
7.	Pengambilan Kerja Buruh Tempatan Sub-Kontraktor	Semua buruh dan Sub-Kontraktor yang digunakan untuk kerja ini hendaklah diambil dari daerah atau negeri di mana kerja itu terletak. Kontraktor hendaklah sebaik sahaja selepas mengambil pemilihan tapakbina, berurus dengan Pejabat Buruh Tempatan, Pegawai Daerah atau Penghulu untuk pengambilan mereka bekerja. Dalam mana-mana keadaan sekalipun Kontrak tidak dibenarkan menggunakan buruh-buruh dan Sub-Kontraktor yang diimport melainkan P.P berpuashati bahawa mereka tidak boleh diperolehi didalam daerah atau negeri yang berkenaan.
8.	Butir-Butir Pekerja	Kontraktor hendaklah memberi kepada P.P. menyenggara dan mengemaskinikan satu senarai mengandungi semua pekerja-pekerjanya termasuk kesemua pekerja yang diambil bekerja oleh Sub-Kontraktor atau kesemua butiran di dalam borang yang dinyatakan di dalam Lampiran yang berkenaan pada Spesifikasi ini.
9.	Gambar Foto Kemajuan Kerja	Kontraktor hendaklah mengambil gambar-gambar digital bersaiz 4R foto digital tersebut hendaklah dicatitkan dengan tajuk dan tarikh ianya diambil. Kontraktor hendaklah juga membekalkan album yang sesuai untuk simpanan gambar tersebut dengan kemajuan kerja pada setiap peringkat- sebelum, semasa dan selepas siap projek sepertimana yang diarahkan oleh P.P. Kontraktor juga hendaklah membakar satu salinan dalam bentuk CD dan salin dalam "pendrive 8GB untuk simpanan rekod jabatan.

SPESIFIKASI

KERJA-KERJA MENAIKTARAF SISTEM SALIRAN BAGI MENGATASI BANJIR DI KAMPUNG MAKAU SUAH, SUNGAI BAKAP, SEBERANG PERAI SELATAN

JPS/SPS/N/SH/CS/57-2011

- Kontraktor hendaklah menyediakan Insuran tanggungan Awam dan pekerja. Semua jalan masuk dan kerja yang berkaitan adalah dibawah tanggungan kontraktor. Kontraktor hendaklah memastikan semua tapak kerja dibersihkan setelah kerja kerja siap dijalankan. Kontraktor hendaklah menyediakan gambar
1. gambar sebelum dan setelah kerja siap dilaksanakan dan dikemukakan kepada pihak JPS.

 2. Tender ini adalah termasuk menyediakan segala tenaga manusia, mesin jengkaut & segala alat perkakas untuk pembinaan parit konkrit dan kerja-kerja berkaitan

 3. Membekal tenaga kerja, bahan dan mesin jengkaut untuk kerja-kerja pembinaan parit konkrit di perkampungan Makau Suah. Kerja-kerja termasuk pembinaan 1500mm x 1500mm parit konkrit dan juga pembentung kekotak 1500mm x 1500mm. Kerja-kerja pembinaan ini juga hendaklah mengambil kira keadaan setempat dan mendapat kebenaran tuan tanah bersebelahan.

 4. Kontraktor perlu memeriksa dengan kos sendiri semua laluan kabel elektrik, telefon dan paip air untuk mengelakkan sebarang kerosakan ketika kerja-kerja dilaksanakan. Untuk itu, kontraktor perlu berurusan dengan dengan pihak berkuasa berkenaan seperti TELEKOM, TNB dan PBA untuk mendapatkan kedudukan sebenar laluan kabel dan paip air.

 5. Tanah korekan (sekiranya ada) hendaklah diratakan disepanjang ban. Dan bagi sisa korekan untuk parit yang berada ditepi jalan, pihak kontraktor diarahkan untuk membawa keluar dari tapak ke tapak pelupusan yang dilulusakan. Pihak kontraktor juga diminta untuk memastikan keselamatan orang awam dengan menyediakan pengawal lalulintas, papan tanda amaran, kon/ barrier keselamatan dll peralatan yang diperlukan semasa menjalankan kerja-kerja ini.

 6. Kontraktor tidak dibenarkan mengangkut keluar pasir yang dikorek kecuali terlebih dahulu mendapatkan kelulusan daripada Pejabat Tanah Daerah, Seberang Perai Selatan terlebih dahulu.

 7. Kontraktor hendaklah sentiasa menyediakan saliran yang alternatif supaya tidak berlaku masalah banjir.

 8. Menjalankan kerja-kerja kemas, mengeluarkan segalan baki bahan-bahan binaan dan sisa-sisa binaan dari tapak bina. Kontraktor hendaklah sentiasa mematuhi segala arahan dari Pegawai Penjaga.

SURAT AKUAN PEMBIDA**Bagi**

Tajuk Sebutharga: **KERJA-KERJA MENAIKTARAF SISTEM SALIRAN BAGI MENGATASI BANJIR DI KAMPUNG
MAKAU SUAHI, SUNGAI BAKAP, SEBERANG PERAI SELATAN**

No. Sebutharga: **JPS/SPS/N/SH/CS/57-2011**

Saya, nombor K.P. yang mewakili

Nombor pendaftaran dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Jabatan Pengairan dan Saliran atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebutharga* seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Jabatan Pengairan dan Saliran atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebutharga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebutharga* di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi tender/sebutharga* di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebutharga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

Saksi,

.....

Nama:

No. K.P.:

Cop Syarikat:

.....

Nama:

No. K.P.:

Cop Syarikat:

Cacatan: * Potong mana yang tidak berkaitan

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA

Bagi

Tajuk Sebutharga: **KERJA-KERJA MENAIKTARAF SISTEM SALIRAN BAGI MENGATASI BANJIR DI KAMPUNG MAKAU SUAHA, SUNGAI BAKAP, SEBERANG PERAI SELATAN**

No. Sebutharga: **JPS/SPS/N/SH/CS/57-2011**

Saya, nombor K.P. yang mewakili
 Nombor pendaftaran dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Jabatan Pengairan dan Saliran atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebutharga* seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Jabatan Pengairan dan Saliran atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebutharga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebutharga* di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi tender/sebutharga* di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebutharga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

Saksi,

.....

.....

Nama:

Nama:

No. K.P.:

No. K.P.:

Cop Syarikat:

Cop Syarikat:

Cacatan: * Potong mana yang tidak berkaitan

Tajuk Sebutharga: KERJA-KERJA MENAIKTARAF SISTEM SALIRAN BAGI MENGATASI BANJIR DI KAMPUNG MAKAU SUAH, SUNGAI BAKAP, SEBERANG PERAI SELATAN

No. Sebutharga: JPS/SPS/N/SH/CS/57-2011

PELAN LOKASI

Tajuk Sebutharga: KERJA-KERJA MENAIKTARAF SISTEM SALIRAN BAGI MENGATASI BANJIR DI KAMPUNG MAKAU SUAH, SUNGAI BAKAP, SEBERANG PERAI SELATAN

No. Sebutharga: JPS/SPS/N/SH/CS/57-2011

PELAN PEMBINAAN